AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : NEGARA



MUHAMMAD FAKHRUL (depan, dua dari kiri) bergambar kenangan bersama rakan penghuni lain yang dikesan positif Covid-19 dan jururawat yang bertugas di PKRC Maeps, Serdang.

# Penghuni gembira di PKRC Maeps

**PUTRAJAYA** – Ini pusat kuarantin Covid-19 atau kem bina semangat?

Mungkin itu gambaran awal diberikan penghuni Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) selepas melangkah masuk ke pusat itu bagi menjalani rawatan Covid-19.

Apa tidaknya, penghuni boleh melakukan pelbagai aktiviti seperti zumba, senamrobik dan beramah mesra sesama mereka.

Berdasarkan tinjauan terhadap rakaman-rakaman video TikTok dan perkongsian di laman sosial, penghuni pusat kuarantin itu berkongsi pelbagai ragam dan gelagat sepanjang berada di sana.

Ada yang memuat naik video, menyanyi, bergurau senda dengan petugas barisan hadapan, bergotong royong membersihkan kawasan kuarantin dan membantu mengagihkan makanan kepada penghuni lain.

Malah, penghuni juga akan bersorak meraikan rakan-rakan penghuni yang discaj dan yang baru masuk ke pusat itu.

Gambaran itu jelas menunjukkan PKRC Maeps bukanlah satu tempat yang 'menakutkan'.

Salah seorang penghuni, Muhammad Fakhrul Aiman Misnon, 20, berkata, pada mulanya dia takut apabila dimaklumkan perlu masuk ke pusat itu.

Namun, katanya, selepas beberapa hari, dia mulai selesa selepas bercampur gaul dengan penghuni lain.

"Alhamdulillah semuanya baik-baik tidak kira usia walaupun kami tidak mengenali antara satu sama lain.

"Di sini, tak kisah apa pangkat, kerja dan latar belakang, semuanya bergaul mesra dan baik. Kalau jenis pendiam susah dapat kawan tetapi macam saya pula jenis suka berkawan.

"Paling saya tak sangka adalah makanan yang dihidangkan di sini sedap dan menyelerakan macam hotel lima bintang," katanya yang kini menuntut Kolej Komuniti Bentong, Pahang.

Muhammad Fakhrul berkata, dia sudah dibenarkan keluar dari pusat kuarantin itu hari ini.